



## KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### PEMANJANGAN KEMUDAHAN KEPADA PEGAWAI PERUBATAN, PERGIGIAN DAN FARMASI LANTIKAN KONTRAK YANG MENJALANI LATIHAN SISWAZAH DAN/ATAU KHIDMAT WAJIB

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Julai 2021 telah bersetuju untuk memanjangkan kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal, kemudahan Cuti Tugas Khas Perubatan dan kemudahan Cuti Tibi, Kusta dan Barah kepada Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi lantikan kontrak

Walau bagaimanapun, persetujuan yang diberikan pada waktu itu adalah terpakai ke atas Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi lantikan kontrak yang telah diluluskan pelanjutan kontrak setelah melengkapkan khidmat wajib.

Justeru, selaras dengan usaha berterusan dan komitmen untuk menambah baik situasi kebajikan pegawai lantikan kontrak, Kementerian Kesihatan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada hari ini telah membentangkan satu lagi memorandum untuk pertimbangan Jemaah Menteri agar pemberian kemudahan-kemudahan sedia ada ini ditambah baik.

Sukacita dimaklumkan, Jemaah Menteri telah **bersetuju** dengan cadangan pemanjangan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

a) Pemanjangan kemudahan **Tambang Mengunjungi Wilayah Asal** kepada Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi lantikan kontrak (contract of service) yang **SEDANG** menjalani khidmat wajib; dan

b) Pemanjangan kemudahan **Cuti Tugas Khas Perubatan** serta **Cuti Tibi, Kusta dan Barah** kepada Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi lantikan kontrak yang **SEDANG** menjalani latihan siswazah dan/atau khidmat wajib.

Keputusan pemanjangan kemudahan **Cuti Tugas Khas Perubatan** serta **Cuti Tibi, Kusta dan Barah** diharapkan dapat menangani isu ketidaksetaraan pemberian kemudahan-kemudahan ini antara pegawai lantikan kontrak yang sedang menjalani latihan siswazah dan/atau khidmat wajib dengan pegawai lantikan kontrak yang telah melengkapkan khidmat wajib.

Selain itu, Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi lantikan kontrak yang sedang menjalani khidmat wajib juga akan dapat menikmati kemudahan **Tambang Mengunjungi Wilayah Asal** sebagaimana dinikmati oleh pegawai lantikan kontrak yang telah melengkapkan khidmat wajib.

Memorandum Jemaah Menteri yang dibentangkan hari ini adalah satu daripada usaha dan komitmen berterusan KKM dalam menambahbaik dan menyediakan persekitaran tempat kerja yang kondusif buat seluruh kakitangannya bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi dan selamat.

**KHAIRY JAMALUDDIN**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**8 JUN 2022**